

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR

TARIKH :

RUJUKAN : 10431

SOALAN:

PR-1353-T01594

**Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) Berapa jumlah kem tahanan Imigresen Malaysia mengikut negeri;
dan
- (b) Berapa banyak pendatang yang menjadi penghuni mengikut setiap
satu kem tahanan dan berapa banyak kos perbelanjaan untuk
pengurusan dan pengendalian penghantaran pulang pendatang

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Sebanyak 14 buah Depot Tahanan Imigresen di seluruh negara yang diurus tadbir oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Manakala 4 buah Pusat Tahanan Sementara (PTS) Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Sabah diurus tadbir oleh Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN, JPM).

Jumlah tahanan PATI yang berada di Depot Tahanan Imigresen dari Januari hingga 30 September 2017 adalah seramai 40,783 orang.

Jumlah pendatang yang menjadi penghuni mengikut Depot Tahanan Imigresen adalah seperti berikut:

Bil	Depot Imigresen	Kapasti		Kapasti
		Lelaki	Perempuan	
1	Ajil	750	150	900
2	Bekenu	450	150	600
3	Bukit Jalil	900	300	1,200
4	Juru	350	150	500
5	KLIA	800	300	1,100
6	Langkap	1,200	300	1,500
7	Lenggeng	1,250	250	1,500
8	Machap Umboo	1,000	250	1,250
9	Pekan Nenas	1,000	500	1,500
10	Semenyih	1,000	250	1,250
11	Semuja	500	200	700
12	Tanah Merah	400	150	550
13	Belantik	600	350	950
14	Kemayan	Proses naik taraf		
Jumlah		10,350	3,450	13,800